

SEJARAH GERAKAN POLITIK AWAL DI KEDAH

Oleh
Abdullah Zakaria bin Ghazali
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Pendahuluan

Kertas kerja ini akan membincangkan sejarah gerakan politik awal di Kedah yang merangkumi tempoh tahun 1786 hingga 1923. Sepanjang tahun ini, orang Kedah di bawah pimpinan golongan bangsawan menentang British (Syarikat Hindia Timur Inggeris, 1786-1791), Siam (1821-1842), dan berlakunya konflik di antara pegawai Melayu dengan pegawai British yang bertugas di Kedah (1909-1923).

Gerakan Tentangan Sultan Abdullah Terhadap Syarikat Hindia Timur Inggeris

Perjuangan menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris di Kedah dirintis oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1798). Penentangan baginda ini adalah terawal dalam sejarah perjuangan menentang British di Tanah Melayu. Penentangan terhadap British dilakukan kerana Syarikat Hindia Timur Inggeris yang menduduki Pulau Pinang tidak memenuhi syarat yang dikemukakan oleh Sultan Abdullah. Syarat yang tidak dipenuhi Syarikat Hindia Timur Inggeris ialah membantu Kedah jika diserang Thailand atau Burma, dan memenuhi \$30,000 Sepanyol setahun yang dituntut Sultan Abdullah kerana melepaskan monopoli perdagangan baginda di Kedah. Persaingan di antara Thailand dengan Burma telah mengheret sama Kedah ke dalam persaingan politik mereka. Kedudukan Kedah di antara Thailand dengan Burma, menjadikannya sumber bantuan kebendaan dan tenaga manusia oleh kedua-dua kuasa tersebut. Sekiranya Thailand kuat, Kedah akan diminta membantu Thailand; begitu pula sekiranya Burma kuat, Burma pula akan menekan mendapatkan bantuan Kedah. Kedudukan yang tersempit ini menyebabkan Sultan Abdullah mengambil kesempatan kehadiran Kompeni Hindia Timur Inggeris di Pulau Pinang dengan menawarkan Pulau Pinang sekiranya pihak Kompeni Hindia Timur Inggeris sanggup membantu baginda; terutamanya mengatasi serangan daripada Thailand dan Burma.

Tanpa memenuhi syarat membantu Kedah sekiranya diserang dari laut dan darat serta bayaran \$30,000 Sepanyol setahun kepada Sultan Abdullah, Francis Light menduduki Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786. Sultan Abdullah menuntut syarat baginda daripada Francis Light. Namun Sultan Abdullah hanya mendapat jawapan pada tahun 1787 yang menyatakan bahawa Kompeni Hindia Timur Inggeris tidak akan memberi perlindungan kepada Kedah. Walaupun demikian Sultan Abdullah terus berunding mengenai syarat yang dikemukakannya itu. Pada Mac 1791 Kapten Scott memaklumkan bahawa Francis Light sanggup membayar \$10,000 Sepanyol setahun dan wang ini agak dihantar segera. Pada 19 Mac 1791, kira-kira 20 buah perahu tiba di Perai dan 20 Mac 1791 pula kira-kira 90 perahu dibawa oleh Bendahara dan Laksamana bergabung di sini. Tuntutan dibuat supaya Francis Light membayar \$10,000 Sepanyol sebagaimana yang dijanjikan. Francis Light pula hanya menghantar \$5,000 Sepanyol dan baki \$5,000 Sepanyol lagi akan dihantar sebaik sahaja pasukan yang ada di Seberang Perai dibubarkan. Sikap Francis Light yang tidak menepati janji ini menyebabkan Sultan Abdullah menghantar wakilnya menemui Francis Light mengarahkan membayar baki \$5,000 Sepanyol atau meninggalkan Pulau Pinang.

Sementara menunggu jawapan daripada Syarikat Hindia Timur Inggeris, Francis Light menghantar kapal *Dolphin*, *Princess Augusta*, *Valiant* dan empat buah perahu perang (*gun-boat*) menyerang pasukan Kedah di Seberang Perai pada 12 April 1791. Pasukan Kedah berundur ke Sungai Perai. Walaupun mereka cuba menguatkan kedudukan kembali tetapi telah diserang lagi oleh pasukan Kompeni. Kekalahan ini menyebabkan Sultan Abdullah menandatangani Perjanjian dengan Kompeni Hindia Timur Inggeris pada 1 Mei 1791 dan sanggup menerima bayaran \$6,000 Sepanyol setahun. Kompeni Hindia Timur Inggeris boleh menduduki Pulau Pinang.

Gerakan Tentangan Terhadap Siam

Kemudiannya Kedah menghadapi serangan dari Siam pada tahun 1821. Tokoh yang bertanggungjawab merancang serangan ke atas Kedah ialah Raja Ligor.¹ Raja Ligor pula mendapat arahan daripada Bangkok.² Pada Ahad 12 November 1821, perahu pasukan tentera Siam yang berlepas dari Trang tiba di Kuala Kedah. Berikutnya melancarkan serangan dan berjaya menawan Kedah.³ Pasukan Siam yang mengandungi 7,000 orang tentera di bawah arahan Raja Ligor berlepas dari Trang ke Sungai Kedah, dengan alasan untuk mendapatkan bekalan makanan bagi melancarkan serangan ke atas Burma.⁴ Sebaliknya pula, apabila pasukan tentera Siam tiba di Kedah pada 12 November 1821, secara mengejut melancarkan serangan ke atas Kedah. Bendahara dan Laksamana yang cuba melawan, kerana tidak bersedia dikalahkan dengan mudah oleh tentera Siam. Sultan Ahmad Tajuddin yang berada di Kuala Muda kerana sedang menggali terusan di sana, mengundurkan diri ke Seberang Perai, di kediaman saudaranya Tunku Sulaiman dan akhirnya ke Pulau Pinang.⁵ Dato' Syahbandar, Dato' Temenggung dan Dato' Laksamana terkorban dalam peperangan. Dato' Bendahara, Tunku Yaakob (putera Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah) dan Tunku Jam Jam ditawan oleh Siam. Bendahara dipercayai diracuni ketika dalam perjalanan ke Senggora.⁶ Di antara matlamat serangan Siam tersebut untuk menangkap Sultan Kedah.⁷ Tentera Siam membunuh ramai orang lelaki; menangkap wanita dan kanak-kanak sebagai tawanan.⁸ Dianggarkan sejumlah 1,000 orang Kedah ditawan dan dibawa ke Bangkok untuk dijadikan hamba kepada Raja, Pemangku Raja (Wangna) dan menteri-menteri Siam.⁹

Setelah menduduki Kedah, Chao Phya Ligor meletakkan dua orang anaknya, Phya Buri Saknuton sebagai Gabenor dan Phya Sina Nunchit sebagai Timbalan Gabenor. Pentadbiran mereka dibantu oleh pegawai Siam. Namun begitu kedua-dua hanya disahkan jawatan mereka oleh Rama III selepas tahun 1826.¹⁰ Di samping itu pentadbiran Siam di Kedah dibantu oleh pasukan tentera Siam bagi menjamin pelaksanaan pentadbiran dan undang-undang.¹¹ Pada tahun 1822, Syarikat Hindia Timur Inggeris menghantar wakil yang diketuai oleh John Crawford, di antara lain untuk mengembalikan semula Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah di atas takhta kerajaan Kedah.¹² Begitu juga dengan utusan Kapten Henry Burney ke Bangkok pada tahun 1825, salah satu matlamatnya untuk mengembalikan kuasa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah di atas takhta kerajaan Kedah.¹³ Kedua-dua utusan ini gagal berbuat demikian. Namun begitu Kapten Henry Burney berjaya menandatangani perjanjian dengan kerajaan Siam pada tahun 1826. Antara syaratnya, British mengakui kedaulatan Siam ke atas Kedah dan British tidak akan membenarkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, keluarganya atau pengikutnya menyerang Kedah.¹⁴

Walaupun pada mulanya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang berada di Pulau Pinang tidak dibenarkan oleh British berangkat ke Seberang Perai,¹⁵ tetapi

kemudiannya Gabenor R. Fullerton membenarkan baginda ke sana beberapa hari ke Seberang Perai untuk menguruskan harta dan membawa keluarga ke Pulau Pinang. Sebelum berangkat, Sultan Ahmad Tajuddin disyaratkan bertemu dengan Gabenor R. Fullerton terlebih dahulu.¹⁶ Setelah membuat janji bertulis akan bertemu Gabenor R. Fullerton, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah berangkat ke Seberang Perai.¹⁷ Setelah berada di sini Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah menolak cadangan British untuk memindahkan baginda ke Melaka, sebaliknya lebih cenderung untuk tinggal di Seberang Perai.¹⁸ Gabenor R. Fullerton memaklumkan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang beliau tidak boleh melanggar keputusan yang telah dibuat untuk memindahkan Sultan ke Melaka.¹⁹

Penjajahan Siam di Kedah, mulai 1821 telah mencetuskan siri gerakan membebaskan negeri Kedah di bawah pimpinan golongan bangsawan Kedah. Pada tahun 1826, Syed Zainal Abidin atau lebih dikenali dengan panggilan Tunku Kudin,²⁰ anak saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah; Tunku Long Putih,²¹ saudara ipar Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Sulaiman melancarkan serangan ke atas pertahanan Siam di Kota Kuala Kedah. Serangan mereka dapat dipatahkan oleh pasukan Siam.²² Pada tahun 1828, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, Tunku Kudin dan Tunku Long Putih berada di Seberang Perai. Pada tahun 1829, Tunku Kudin, bersama pengikutnya, dengan disertai, antaranya Tunku Long Putih, Tunku Jaafar dan Tunku Dagang, anak Tunku Long Putih; panglima Hassan, Mis, Che Rio, Awang Lahal dan Che Akil melancarkan serangan ke atas tentera Siam di Kedah tetapi dikalahkan oleh tentera Siam.²³ Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah juga merancang serangan ke atas tentera Siam di Kedah tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana rahsia rancangan baginda diketahui oleh Siam. Surat²⁴ yang baginda hantar kepada Seri Lela Pahlawan dan Raja Putera Jaya mengenai perkara ini jatuh ke tangan Siam. Dalam bulan Januari 1830, Tunku Kudin berjaya mengumpulkan kira-kira 5,000 orang mara ke Kedah melalui Perai. Setelah berada di Kedah, angkatan Tunku Kudin menjadi bertambah ramai dengan penyertaan penduduk Kedah.²⁵ Mereka yang menyertai Tunku Kudin ini mengisytiharkan perjuangan mereka adalah jihad menentang orang kafir, Siam.²⁶ Pada tahun 1831, angkatan Tunku Kudin terdiri daripada 2,000 orang, termasuk di dalamnya 80 orang bekas tentera sepoi, memakai pakaian seragam pasukan sepoi British²⁷ dengan semangat jihad,²⁸ melancarkan serangan ke atas pasukan Siam yang berada di Kota Kuala.²⁹ Dalam pertempuran ini angkatan Siam dikalahkan. Kota Kuala dapat diduduki oleh Tunku Kudin pada 24 April 1831.³⁰ Pasukan Tunku Kudin mendapat bantuan daripada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah.³¹ Dalam usaha menjamin hubungan baik British-Siam, Gabenor R. Ibbetson³² menyatakan British tidak terlibat membantu Tunku Kudin,³³ hanya Tunku Kudin yang menyebarkan dakwah British membantunya.³⁴ Di samping itu Gabenor R. Ibbetson mengeluarkan isytihar, mereka yang terlibat dalam serangan ke atas Kedah disifatkan sebagai lanun.³⁵ Tentera Siam yang bertahan di sini mengundurkan diri ke Alur Ganu, markas pertahanan mereka. Kira-kira 30 orang tentera Siam ditawan dan disiksa sehingga mati; sebagai membalas dendam di atas tindakan tentera Siam sebelum ini ke atas orang Kedah.³⁶ Begitu juga dengan orang Cina yang membantu tentera Siam disiksa hingga mati.³⁷

Kejayaan Tunku Kudin mengambil balik Kota Kuala, serta mengundurkan tentera Siam diketahui oleh Chao Phya Ligor. Beliau telah mengumpulkan kira-kira 7,500 orang dengan 3,000 ekor gajah dan mara ke Kedah pada Jun 1830.³⁸ Angkatan ini bergerak ke Trang, memasuki Kedah dan bergabung dengan angkatan mereka yang sedia ada di Alur Ganu. Angkatan Siam telah melancarkan serangan ke atas

pasukan Tunku Kudin di Kota Kuala. Walaupun Tunku Kudin dan pasukannya cuba mempertahankan kedudukannya, tetapi dikalahkan oleh pasukan Siam. Tentera Siam memasuki Kota Kuala, kira-kira 50 orang Melayu termasuk Tunku Kudin terkorban. Pada badan Tunku Kudin terdapat kesan tembakan peluru. Bagi orang Melayu Kedah, perjuangan ini adalah perang jihad, menentang kafir; mati syahid dan masuk syurga.³⁹ Tunku Kudin telah dipancung kepala; kepalanya dibawa ke Bangkok.⁴⁰ Mereka yang berjaya melepaskan diri berundur ke Pulau Pinang atau Seberang Perai.⁴¹

Ketika pertempuran berlaku, Gabenor R. Ibbetson melayan tuntutan Raja Ligor melalui artikel 13; iaitu British tidak akan membenarkan Sultan Kedah atau pengikutnya menyerang, mengacau atau mencederakan dalam jajahan Kedah atau mana-mana kawasan yang tertakluk kepada Siam. Beliau juga mengeluarkan pengisytiharan yang menyatakan barangsiapa yang ditangkap akan dianggap sebagai lanun dan akan dikenakan hukuman yang setimpal. Selain itu British juga memberi bantuan ubat bedil kepada Raja Ligor.⁴² Kapal-kapal perang diarahkan ke Sungai Kedah dan Sungai Merbok untuk memintas pasukan Tunku Kudin dan Tunku Long Puteh yang mungkin akan mengundurkan diri daripada serangan Siam melalui laut.⁴³ Pihak British di Pulau Pinang menghantar kapal perang *Zephyr* dan *Emerald*;⁴⁴ kemudiannya kapal *Wolf* di bawah Kapten Hamley dihantar berlabuh di hadapan muara Sungai Kedah untuk mengawal bantuan tentera dan bekalan perang dari Pulau Pinang kepada Tunku Kudin. Angkatan ini pula dibantu oleh kapal *Alligator*.⁴⁵ Selain itu pihak British juga menghantar kapal *Crocodile* untuk mengawal perairan Kedah. Kapal *H.M. Wolf* di bawah pimpinan H. Hamley diarahkan oleh Gabenor R. Ibbetson mengepung Kuala Kedah dan mengawal pejuang Kedah yang disifatkan sebagai lanun. Dengan penglibatan ini British berharap Siam akan mempercayainya.⁴⁶ Kapten H. Hamley bersama kapal *Wolf* diarahkan juga menyebarkan surat pengisytiharan yang menyeru supaya pasukan orang Melayu bersurai.⁴⁷ Langkah Gabenor R. Ibbetson menghantar pasukan British membantu Siam ini mendapat kelulusan daripada pihak atasan.⁴⁸ Gabenor R. Ibbetson juga mengarahkan Leftenan Kolonel Gibson mengawal kawasan pedalaman Seberang Perai untuk menjamin keselamatan di sini.⁴⁹ Sementara itu Siam menuntut British melaksanakan tindakan ke atas Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, berdasarkan artikel 13, perjanjian Burney, menguruskan perpindahan baginda ke negeri, selain daripada Pulau Pinang, Seberang Perai, Selangor dan Burma. Dengan itu British mengambil keputusan memindahkan Sultan ke Melaka.⁵⁰ Gabenor R. Ibbetson percaya keamanan hanya akan tercapai sekiranya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dipindahkan ke Melaka.⁵¹ Dalam peperangan, kira-kira lima bulan, kira-kira 700 orang tentera Siam terbunuh; 1,500 orang pejuang Kedah terkorban. Setelah Kota Kuala jatuh kembali ke tangan Siam, kira-kira 4,000 hingga 5,000 keluarga telah ditawan dan dibawa ke Siam.⁵² Siam mengambil masa yang agak perlahan untuk menawan semula Kedah daripada Tunku Kudin.⁵³ Kapal *Wolf* meninggalkan Kuala Kedah. Penglibatan dan sumbangan H. Hamley bersama kapal *Wolf* mendapat pujian daripada Gabenor R. Ibbetson.⁵⁴

Kegagalan kebangkitan Tunku Kudin ini tidak memudahkan perjuangan Sultan Ahmad Tajuddin. Pada tahun 1835, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang berada dalam buangan di Melaka mendapat kebenaran daripada kerajaan British untuk berangkat ke Deli.⁵⁵ Apabila permohonan diluluskan, baginda tidak berangkat ke Deli, sebaliknya berangkat ke Beruas, Perak. Baginda tinggal di tebing Sungai Beruas, Perak. Di samping itu, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah menghubungi kawan baginda di Pulau Pinang dan Seberang Perai.⁵⁶ Pada 27 Mac 1837, Sultan Ahmad

Tajuddin Halim Syah yang berada di Beruas mengeluarkan pengisytiharan supaya berhimpun di Pulau Langkawi. Gabenor S.G. Bonham pula mengisytiharkan surat amaran mengingati jangan menyokong Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. Sekiranya ingkar mereka akan menerima padahnya.⁵⁷ Ketika berada di Beruas, Sultan Ahmad Tajuddin dikunjungi oleh Raja Muda Perak.⁵⁸ Baginda telah mengumpulkan penyokong untuk melancarkan gerakan membebaskan Kedah dari Beruas. Kunjungan Raja Muda Perak ke Beruas ini tidak disenangi oleh pihak British. Gabenor Murchison menghantar Kapten James Low ke Perak, memberi amaran kepada Raja Muda supaya jangan terlibat dengan gerakan Sultan Kedah.⁵⁹ Kapten James Low juga menyatakan kepada Raja Muda supaya jangan berhubung dengan Sultan Ahmad Tajuddin. Jika membenarkan Beruas menjadi markas serangan ke atas Siam di Kedah, British tidak akan membantu Perak sekiranya diserang oleh Siam.⁶⁰ Kapten James Low juga dikatakan mengertak Raja Muda Perak, Siam akan menggunakan alasan ini untuk melancarkan serangan ke atas Perak.⁶¹ Kapal perang *Zephyr* ke Beruas untuk membawa Sultan Ahmad Tajuddin ke Melaka atau ke tempat lain dalam Negeri-Negeri Selat.⁶² Pada 15 Februari 1837, kapal *Zephyr* yang gagal membawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah ke Melaka meninggalkan Beruas belayar ke Langkawi untuk menyiasat kekuatan orang Melayu di sini.⁶³ Kerajaan Benggala menekan supaya memindahkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dari Beruas ke Melaka.⁶⁴ Kemudiannya kapal *Zebra* di bawah pimpinan Kapten McCrea dan perahu *Diamond*⁶⁵ dihantar ke Beruas untuk membawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah ke Melaka. Kapten McCrea gagal mempengaruhi Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah berangkat ke Melaka, kerana baginda sudah bertekad untuk berangkat ke Kedah.⁶⁶ Namun akhirnya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah kembali semula ke Melaka. Baginda dikawal supaya tidak mencetuskan serangan ke atas Kedah. Elaun baginda dikurangkan.⁶⁷

Kemudiannya bangkit pula gerakan tentangan di bawah Tunku Muhammad Saad. Pada 24 Mac 1838, Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud dan Dato' Wan Muhammad Ali menyebarkan surat jemputan ke Seberang Perai, menjemput datang berkumpul di Sungai Muda dan Sungai Merbok untuk sama-sama menentang Siam di Kedah.⁶⁸ Tunku Muhammad Saad dibantu oleh Dato' Muhammad Ali dari Langkawi; Tunku Muhammad Taib dan Tunku Muhammad Akib dari Setul; Syed Husin dan Wan Muhammad Arshad dari kayang(Perlis); Tunku Abdullah, Tunku Sulaiman;⁶⁹ Syeikh Abdul Samad al-Palembangi, seorang ulama terkenal di Kedah pada ketika ini;⁷⁰ juga panglima perang, seperti Tok Mo Ris(Bomoh Idris) dari Perupok, Kubur Panjang;⁷¹ Dato' Syahbandar Wan Daud dari Pulai, Baling dan Dato' Madi dari Bandar Baru.⁷² Dato' Panglima Bukit Gantang juga menghantar 100 orang dan lima buah perahu ke Kedah membantu gerakan menentang Siam.

Dalam usaha mengembeling tenaga sokongan penduduk Kedah, Tunku Muhammad Saad menyeru semua yang ingin menyertai gerakannya dan mendapat rahmat Allah berkumpul di Sungai Merbok.⁷³ Penduduk Kedah menyahut seruan ini berkumpul di Sungai Merbok. Penduduk Kedah juga memberi sokongan kepada Tunku Muhammad Taib.⁷⁴ Tunku Muhammad Saad melancarkan gerakannya pada bulan Mei 1838. Tunku Muhammad Taib berkumpul di Seberang Perai bersama-sama kira-kira 700 atau 800 orang dan kemudiannya memasuki Kedah.⁷⁵ Angkatan Tunku Muhammad Saad yang berada di Sungai Muda mara ke Kedah setelah berjaya mengalahkan tentera Siam yang bertahan di sempadan Seberang Perai.⁷⁶ Pada 13 Jun 1838, angkatan di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad bergabung dengan angkatan Tunku Muhammad Taib berjaya mengundur pasukan tentera Siam yang

berada di Kuala Sungai Merbok.⁷⁷ Dengan itu angkatan ini mara ke Kedah dan Perlis.⁷⁸ Pada 3 Ogos 1838, Tunku Muhammad Saad dan angkatannya melancarkan serangan ke atas Kota Kuala. Serangan Tunku Muhammad Saad ini dapat diatasi oleh pasukan Siam yang terdiri daripada 70 orang yang mendapat bantuan 300 orang Melayu melalui kerahan. Angkatan Kedah melancarkan serangan sekali lagi pada 4 Ogos 1838. Kali ini angkatan di bawah Tunku Muhammad Taib datang dari darat, membawa keluarga orang Melayu yang berperang bagi pihak Siam di dalam Kota Kuala. Keluarga orang Melayu tersebut dijadikan benteng pertempuran. Apabila tiga orang tua dan dua orang wanita terkorban serta ramai yang cedera, menyebabkan orang Melayu yang berada di dalam kubu menyokong tentera Siam keluar menyokong Tunku Muhammad Taib. Angkatan Siam yang tidak dapat bertahan mengundurkan diri ke arah Perlis.⁷⁹ Setelah pasukan kerahan Melayu tidak ada lagi membantu pertahanan di Kota Kuala, pasukan tentera Siam menjadi lemah. Kota Kuala dapat diambil semula oleh Tunku Muhammad Saad. Tentera Siam yang gagal melarikan diri telah ditangkap dan disiksa hingga mati. Tindakan ini dilakukan kerana tentera Siam pernah melakukan perkara yang sama ke atas orang Melayu sebelum ini.

Angkatan Tunku Muhammad Saad melancarkan serangan ke atas pasukan Siam yang cuba bertahan di Alur Ganu di bawah Phya Buri Sukhuton dan berjaya mengalahkan mereka.⁸⁰ Dato' Muhammad Ali pula bergerak ke utara dan berjaya menduduki semula Setul. Kemudiannya tentera Siam dihalaukan keluar dari negeri Kedah; angkatan Kedah di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad berjaya menegakkan kembali kedaulatan Melayu dan Kedah. Kerajaan Bangkok menuduh British lebih berpihak kepada Kedah.⁸¹

Angkatan Tunku Muhammad Saad di bawah Wan Ua(?) dan Wan Mat Pulau mara ke Chenak. Penduduk Cina dan Siam melarikan diri ke Senggora. Dalam ekspedisi ini angkatan Kedah telah memusnahkan kampung-kampung dan kuil Buddha. Angkatan ini mara ke Kota Baru, Reman dan seterusnya ke Kuala Bekah, Patani.⁸² Di samping itu angkatan di bawah pimpinan Tunku Muhammad Taib⁸³ dan Tunku Muhammad Jiwa bersama kira-kira 2,500 orang⁸⁴ bergerak ke Senggora dan berjaya mendudukinya. Mereka mendirikan 11 kubu kecil di sini. Angkatan Tunku Muhammad Saad bersama dengan Syeikh Abdul Samad al-Palembangi bersama 4,200 orang juga menuju ke utara dan menduduki Hadyai.⁸⁵

Kejayaan angkatan Tunku Muhammad Saad menghalau tentera Siam dari Kedah dan mendaulatkan kembali kuasa dan politik Melayu telah mengejutkan kerajaan Siam. Dengan itu Chao Phya Ligor dan Chao Phya Senggora yang ada di Bangkok diperintahkan pulang oleh Raja Siam mengumpul kekuatan mengatasi pasukan Kedah di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad.⁸⁶

Serangan balas daripada angkatan Siam yang terdiri daripada 500 orang Cina, 2,000 orang Siam dan Melayu tidak dapat dihadang oleh angkatan Tunku Muhammad Taib yang berkubu di Senggora. Dalam pertempuran ini angkatan Kedah kehilangan jiwa 150 orang.⁸⁷ Angkatan Tunku Muhammad Saad dan Syeikh Abdul Samad al-Palembangi yang berada di Hadyai juga gagal mengatasi serangan balas angkatan Siam di bawah Chao Phya Ligor yang berlarutan kira-kira 20 hari. Walaupun Tunku Muhammad Saad dapat mengundurkan diri tetapi Syeikh Abdul Samad al-Palembangi terkorban dalam pertempuran tersebut.⁸⁸ Selain itu Setul juga telah diduduki kembali oleh angkatan Siam.

Kemudiannya angkatan Siam melancarkan serangan ke atas kubu pertahanan orang Melayu di Alur Ganu.⁸⁹ Pertahanan Kedah di Alur Ganu di bawah Tunku Muhammad Saad dan Dato' Wan Ali telah pecah; angkatan Siam berjaya

mendudukinya.⁹⁰ Angkatan tentera Siam datang dalam tiga pasukan bersama gajah, kerbau dan bersama mereka terdapat kanak-kanak serta wanita, berpakaian biasa tetapi rambut mereka dipotong yang ditawan dari kampung Alur Lakkah(?), yang mana suami mereka berada dalam kubu di Alur Ganu.⁹¹ Haji Muhammad Taib yang mengalami kecederaan berundur; menaiki perahu ke Pulau Pinang.⁹² Tunku Muhammad Taib pula setelah gagal bertahan kubu Alur Ganu daripada serangan Siam, berundur di waktu malam ke Kuala.⁹³ Pihak British menghantar kapal *Hyacinth* untuk mengepung pantai Kedah. Kapal ini bertugas dari 6 Disember 1838 hingga 11 April 1839.⁹⁴ Ketika mengepung persisiran pantai Kedah, angkatan British memusnah perahu dan harta orang-orang Kedah.⁹⁵

Dalam bulan Februari 1839, angkatan Siam kira-kira 4,000 orang telah melanggar Kota Kuala yang dikawal oleh Tunku Abdullah. Tunku Muhammad Saad bergabung di Kota Kuala selepas angkatannya gagal mengatasi serangan tentera Siam di kubu Alur Ganu.⁹⁶ Di antara mereka yang terlibat dalam pertahanan di kota Kuala ialah Tunku Abdullah, Tunku Muhammad Saad, Tunku Muhammad Seawee [Zawawi?] dan Tunku Muhammad Taib. Jumlah tentera yang bertahan pula kira-kira 500 orang.⁹⁷ Akhirnya Kota Kuala diduduki semula oleh angkatan Siam pada 20 Mac 1839.⁹⁸ Setelah kekalahan di Kota Kuala, pasukan tentera Kedah berkumpul lagi dan melancarkan serangan kira-kira tiga hari ke atas pertahanan tentera Siam di kubu Alur Ganu. Dalam pertempuran yang berlarutan selama tiga hari, pasukan Kedah gagal mengalahkan tentera Siam. Dengan itu Tunku Muhammad Saad berundur. Wan Muhammad Ali, Haji Mustaffa dan Wan Ismail berjaya mengundurkan diri ke Langkawi pada malam hari, 3 April 1839. Wan Muhammad dikatakan bersiap sedia untuk mengundurkan diri seterusnya ke Batu Bara, Sumatera. Kapal *Hyacinth* datang ke Langkawi dan mendapati beberapa buah perahu dimusnahkan.⁹⁹ Tunku Muhammad Saad dilaporkan berundur ke arah Seberang Perai¹⁰⁰ dan kemudiannya beliau ditangkap oleh British dengan tuduhan sebagai "lanun".¹⁰¹ Tunku Abdullah berundur ke Perlis dan kemudiannya menyerahkan diri kepada Gabenor S.G. Bonham di Pulau Pinang.¹⁰²

Ketika serangan Siam ke atas Kedah, kira-kira 1,000 orang wanita dan kanak-kanak Kedah berlindung dalam jajahan British. Siam pula mengibarkan bendera setelah berjaya menawan kubu-kubu pertahanan Kedah.¹⁰³ Sementara itu Tunku Jaafar, saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dan Tunku Dai atau Tunku Zainal Rashid, cuba berunding dengan pihak Siam.¹⁰⁴ Tunku Muhammad Saad yang ditahan oleh British dihadapkan ke mahkamah. Walaupun bebas daripada tuduhan sebagai "lanun", Tunku Muhammad Saad dibuang ke Culcutta. Beliau kemudiannya dibenarkan pulang dan meninggal dunia di Pulau Pinang.¹⁰⁵

Gerakan Tunku Kudin, 1830-31 dan Tunku Muhammad Saad, 1838-39 memberi kesan kepada pentadbiran Siam di Kedah. Mulai tahun 1838, Pra Nang Kiao atau Rama III telah mengambil keputusan untuk memulangkan pentadbiran Kedah kepada anak tempatan. Pada tahun 1838, Rama III telah melantik Tunku Anum, kerabat diraja Kedah sebagai Gabenor Kedah. Kedah dibahagikan kepada dua: Kedah, dibawah Tunku Anum dan Setul-Lingu di bawah pentadbiran Tunku Bisnu atau Tunku Dewa. Kayangan atau Perlis, walaupun masih sebahagian daripada Kedah tetapi ia diletakkan di bawah Raja Long Krok atau Paduka Seri Maharaja Lela, pembesar Kedah. Raja Long Krok dibantu oleh Syed Husin Jamalullail. Apabila Raja Long Krok meninggal dunia, Syed Husin menggantikan beliau.¹⁰⁶

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah menghantar surat kepada Rama III supaya mengampunkan baginda dan kembali semula bertakhta di Kedah. Bangkok meminta

kepastian keikhlasan Sultan Ahmad Tajuddin. Dengan itu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah menghantar puteranya Tunku Dai atau Tunku Zainal Rashid ke Bangkok pada bulan Mac 1841. Tunku Dai menjadi wakil Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah memohon maaf daripada kerajaan Siam. Sementara itu Gabenor S.G. Bonham mengirimkan surat melalui Tunku Dai untuk disampaikan kepada Raja Siam. Dalam surat tersebut dinyatakan yang British meminta supaya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dibenarkan kembali berkuasa di atas takhta kerajaan Kedah.¹⁰⁷ Tunku Dai ditemani oleh Tunku Muhammad Akib, putera Tunku Bisnu, Raja Setul. Rama III memperkenankannya, dan Sultan Ahmad Tajuddin dibenarkan kembali ke Kedah menduduki takhta kerajaan.¹⁰⁸ Pada tahun 1841, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah mendapat persetujuan untuk menduduki semula takhta kerajaan Kedah.¹⁰⁹ Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dibenarkan oleh British tinggal di Pulau Pinang, sementara menunggu rundingan dengan Siam mengenai kepulangan baginda ke Kedah selesai.¹¹⁰ Pada bulan Ogos 1842, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah pulang ke Kedah.¹¹¹ Namun begitu Kedah dibahagikan kepada empat: Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul-Lingu. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah berkuasa di Kedah; Tunku Anun, Kubang Pasu; Syed Husin, Perlis dan Tunku Bisnu, Setul-Lingu. Setul-Lingu diletakkan di bawah Raja Senggora; Kedah, Perlis dan Kubang Pasu diletakkan di bawah Nakhorn Sri Thammarat.¹¹² Namun begitu Kubang Pasu diletakkan kembali di bawah pentadbiran Sultan Kedah, setelah Tunku Anom meninggal dunia. Manakala Perlis dan Setul kekal sebagai unit politik berasingan daripada Kedah.

Konflik Pegawai Melayu Kedah Dengan Pegawai British

Konflik Kedah dengan British, khususnya di antara pegawai Melayu Kedah dengan pegawai British yang bertugas di Kedah apabila pegawai British terlibat dalam pentadbiran Kedah. Perjanjian Bangkok yang ditandatangani oleh Thailand dengan Great Britain pada tahun 1909 menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada kerajaan British. Walaupun begitu Kelantan hanya menerima Penasihat British setelah Perjanjian Kelantan-Great Britain ditandatangani pada tahun 1910. Manakala Terengganu yang menerima Ejen British selepas Perjanjian Terengganu-Great Britain pada tahun 1910, hanya menerima Penasihat British setelah terikatnya Perjanjian Terengganu-Great Britain pada tahun 1919. Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu menerima Penasihat British. Walaupun daripada segi nama berbeza dengan Residen British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, tetapi bidang tugas mereka adalah sama. Kedah tidak membantah perjanjian Bangkok yang menyerahkan negeri masing-masing kepada British dan Penasihat British dihantar ke kedua-dua negeri tersebut. Berdasarkan perjanjian di antara Kelantan dengan British dan Terengganu dengan British, Penasihat British juga akan diminta nasihat dan dipatuhi oleh Sultan atau Yang Dipertuan dalam semua hal kecuali adat istiadat tempatan dan agama Islam. Penglibatan British di Kedah tidak mencetuskan tentangan secara terbuka. Namun begitu konflik berlaku di antara pegawai Melayu dengan pegawai British. Konflik ini berlarutan khususnya mengenai bidang kuasa pegawai British di Kedah.

Sebelum Perjanjian Bangkok 1909, sudah berlaku konflik di antara pegawai Melayu Kedah dengan pegawai British yang bertugas di Kedah. Pegawai Kewangan berbangsa Inggeris dilantik kerana Kedah membuat pinjaman dari negeri Siam pada tahun 1905. Keadaan kewangan Kedah menjadi genting selepas upacara perkahwinan diraja lima orang putera dan puteri Sultan Kedah selama tiga bulan pada tahun 1904.¹¹³ Kegawatan kewangan ini telah membawa Raja Muda Kedah Tunku Abdul

Aziz ke Bangkok untuk memohon pinjaman. Dalam pada itu W.F. Williamson, Penasihat Kewangan Siam menulis laporan memberi amaran kepada Putera Damrong hanya meluluskan pinjaman wang kepada Kedah setelah persetujuan dicapai melantik seorang pegawai Siam dengan kuasa penuh mengawal kewangan Kedah. Perlantikan pegawai ini bertujuan memastikan kewangan berjalan dengan betul dan tidak ada hutang baru dibuat tanpa pengetahuan kerajaan Siam. Putera Damrong memaklumkan kepada W.F. Williamson yang antara syarat pinjaman seorang Penasihat Kewangan berbangsa Eropah akan dilantik dan pembentukan Majlis Mesyuarat Negeri yang terdiri tidak lebih daripada lima orang ahli. Tugas Majlis nanti mengawal perbelanjaan dan hasil negeri.¹¹⁴ Hasil daripada rundingan dengan Putera Damrong terikat perjanjian pinjaman Kedah pada 6 Jun 1905. Antara syarat perjanjian ini kerajaan Siam bersedia memberi pinjaman sebanyak \$2.6 juta dengan kadar faedah 6% setahun kepada Kedah. Kedah pula bersedia menerima seorang Penasihat Kewangan yang dilantik oleh kerajaan Siam untuk menasihati mengenai pentadbiran kewangan Kedah.¹¹⁵ Perjanjian ini menunjukkan kejayaan Tunku Abdul Aziz mendapat pinjaman daripada kerajaan Siam. Oleh kerana salah satu syarat kelulusan pinjaman itu menerima penasihat kewangan berbangsa British, Kedah pertama kali menerima perlantikan penasihat kewangan pada tahun 1905. Jawatan tersebut disandang oleh W.F. Williamson.¹¹⁶ Kedah kemudiannya membentuk Majlis Mesyuarat Negeri pada 23 Julai 1905 dengan lima orang ahli: Raja Muda Abdul Aziz sebagai Presiden, G.C. Hart, Penasihat Kewangan; Mohamed Ariffin, Setiausaha Sulit Sultan; Haji Ahmad, Ketua Hakim dan Syed Abdullah sebagai Bendahari Negeri.¹¹⁷ Pada tahun 1905, jawatan ini digantikan oleh G.C. Hart.¹¹⁸ British yang mencurigai perkembangan pengaruh Siam di Kedah ini mengambil tindakan melantik Meadows Frost yang bertugas di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai Konsul British pertama di Kedah pada Disember 1905.¹¹⁹

Pergeseran British dengan Kedah bermula pada tahun 1907. Pada tahun 1905 hingga 1907, hubungan G.C. Hart dengan pegawai Kedah berjalan lancar. Keadaan ini terjadi kerana Presiden Majlis Mesyuarat Negeri, Raja Muda Abdul Aziz menerima fikiran barat dan berusaha untuk menjalankan pembaharuan di Kedah. Apabila Raja Muda Abdul Aziz mangkat pada tahun 1907, jawatan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri disandang oleh Tunku Mahmud hubungan di antara Kedah dengan British berubah. Tunku Mahmud disebut sebagai berpegang teguh kepada agama dan tidak menerima pengaruh British di Kedah. Beliau bertanggapan perlantikan Penasihat Siam adalah melampui bidang tugasnya sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri dan bertentangan dengan kebebasan Kedah.

Setelah tiga bulan menyandang jawatan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri, Tunku Mahmud mengingatkan Dr. Hoops, Pegawai Perubatan Negeri yang memangku jawatan Penasihat Kewangan ketika G.C. Hart cuti sakit yang dia adalah Penasihat Kewangan. Ingatan dibuat kerana Dr. Hoops tanpa merujuk Majlis Mesyuarat Negeri mengeluarkan surat edaran secara langsung kepada ketua jabatan dalam bahasa Inggeris. Tunku Mahmud dan pegawai yang menyokongnya berpendapat wajar mempertahankan jatidiri Kedah melalui penggunaan bahasa Melayu. Mereka tidak mahu perjalanan dan urusan pentadbiran negeri Kedah dilakukan dalam bahasa Inggeris kerana bimbang taraf Kedah nanti akan menjadi seperti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Selain itu Tunku Mahmud berpendapat Penasihat yang dilantik itu adalah berkaitan dengan perjanjian pinjaman yang kedudukannya hanya menasihati dan tidak mempunyai kuasa. Oleh sebab itu Tunku Mahmud menyatakan yang Raja Muda Abdul Aziz silap memberi kebenaran kepada Penasihat Kewangan G.C. Hart berlagak

sebagai Penasihat Besar. Seterusnya beliau menyatakan akan memberhentikan kesilapan ini.

Sikap dan tindakan Tunku Mahmud ini tidak disenangi British. Konsul British di Kedah, Meadows Frost berpendapat status dan kuasa Penasihat Kewangan Kedah adalah sama dengan Residen British. Seterusnya mengharapkan kerajaan Siam memberi sokongan kepada G.C. Hart. Pandangan Meadows Frost ini disokong oleh Menteri British di Bangkok, Backett. Backett menyatakan pegawai Siam yang dilantik itu tidaklah semata-mata sebagai penasihat kewangan, tetapi segala nasihatnya hendaklah juga dihormati. Tunku Mahmud berpegang yang perlantikan Penasihat Siam adalah Penasihat Kewangan sehingga hutang diselesaikan. Dalam hal W.F. Williamson mengesyorkan Penasihat Kewangan ditukarkan kepada Pesuruhjaya Kewangan. Selain itu membuat syarat yang perkara kewangan tidak boleh dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Sekiranya dibincangkan, keputusan penasihat hendaklah diterima. Pergeseran ini dilaporkan oleh Dr. Hoops kepada Putera Damrong. Dalam laporannya itu Dr. Hoops menyatakan tindak balas orang Melayu menyebabkan Majlis Mesyuarat Negeri tidak bersidang dan tidak ada peratuan diluluskan pada tahun 1907. Dengan itu Putera Damrong menjemput Tunku Mahmud datang Pulau Pinang. Dalam pertemuan itu Putera Damrong menyatakan G.C. Hart dilantik sebagai Pensihat Kewangan. Jika pandangannya tidak disetujui oleh sebahagian ahli Majlis, perkara tersebut hendaklah dilaporkan kepada Bangkok. Oleh itu apabila G.C. Hart datang bertugas semula di Kedah beliau diterima oleh pegawai Melayu. Apabila G.C. Hart tidak bertugas di Kedah, sultan menolak perlantikan Dr. Hoops sebagai pemangku penasihat. Dengan W.F. Williamson datang dari Bangkok menyelesaikan masalah kewangan.¹²⁰

Sementara pergeseran Kedah-British, kerajaan British menjalankan usaha untuk menguasai negeri Melayu, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Usaha-usaha yang dijalankan oleh pegawai British membuahkan Perjanjian Bangkok pada tahun 1909. Berkuatkuasa perjanjian ini, kerajaan Siam menyerahkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada Great Britain. Seterusnya kerajaan British menghantar George Maxwell¹²¹ ke Kedah bertugas sebagai Penasihat British pada 15 Julai 1910. Ketika bertugas di Kedah, George Maxwell bertelingkah dengan golongan pentadbiran Kedah yang dipimpin oleh Tunku Mahmud. Tunku Mahmud dan pembesar yang menyokongnya masih menganggap tugas George Maxwell sebagai penasihat kewangan seperti pegawai British sebelum ini.¹²²

Penyerahan Kedah kepada British melalui Perjanjian Bangkok dibantah oleh Kedah. Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang memutuskan membuat bantahan melalui peguamnya, Arthur Adams. Arthur Adams menulis surat kepada *Penang Gazette* menyatakan ketidakadilan kerajaan Siam dan British mengeneppikan Kedah dalam perjanjian Bangkok 1909. Persoalan Kedah ini dibangkitkan dalam parlimen Britain. Perkara perpindahan Kedah kepada British ini dirujuk kepada sultan, majlis mesyuarat negeri atau penduduk Kedah ditimbulkan dalam perbincangan. Begitu juga, sama ada integriti Kedah terjejas dibangkitkan. Dalam hal ini Setiausaha Tanah Jajahan menyatakan integriti Kedah dijamin selamat melalui perpindahan tersebut. Selain itu Sultan Abdul Hamid menulis surat bantahan kepada Putera Damrong di atas tindakan kerajaan Siam memasukkan jajahan Kedah, Sadau dan kawasan sekitarnya ke dalam jajahan Siam. Putera Damrong menyatakan sempadan Kedah dengan Senggora (Songkhla) belum ditentukan dengan teliti. Dengan itu dalam penentuan sempadan kehilangan kawasan tidak dapat dielakan. Padahal negeri Kedah dan jajahan takluknya diserahkan kepada kerajaan British melalui Perjanjian Bangkok

1909.¹²³

Pergeseran George Maxwell dengan golongan pentadbir Kedah berterusan. Langkah George Maxwell menuntut segala surat rasmi Kedah mesti melalui Residen Jeneral, menulis surat dalam bahasa Inggeris, mencetuskan tentangan dari kalangan pentadbir Kedah. Dalam tentangan ini Tunku Mahmud memainkan peranan utama. Seterusnya langkah George Maxwell memotong elaun putera puteri sultan berusia bawah 15 tahun juga menimbulkan bantahan daripada pegawai Melayu.¹²⁴ Tindakan George Maxwell mengarahkan segala surat Kedah mesti melalui Residen Jeneral menyebabkan Tunku Mahmud menulis surat bantahan kepada Sir John Anderson, Pesuruhjaya Tinggi di Singapura bertarikh 19 Disember 1909. Dalam suratnya itu Tunku Mahmud menyatakan yang majlis mesyuarat negeri berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai sejak Kedah dipindahkan kepada pentadbiran British. Namun begitu kepuasan tersebut hanya berterusan sekiranya British tidak meminda sebarang peraturan dalam negeri Kedah. Tunku Mahmud juga mengingatkan John Anderson yang parlimen Britain dan pejabat luar menjamin integriti Kedah tidak terjejas melalui Perjanjian Bangkok. Tunku Mahmud menuntut hubungan langsung Kedah dengan Pesuruhjaya Tinggi berterusan. Tunku Mahmud juga mengingatkan George Maxwell tentangan jaminan parlimen Britain dan pejabat luar yang integriti Kedah tidak terjejas.

Hubungan pegawai Melayu Kedah dengan George Maxwell bertambah tegang. Pegawai Melayu Kedah menyifatkan George Maxwell lebih sebagai diktator daripada penasihat. Selain itu George Maxwell mengeneipkan nama Kedah di atas surat rasmi tanpa merujuk Majlis Mesyuarat Negeri. George Maxwell juga mengendalikan hubungan pegawai Eropah tidak merujuk Majlis Mesyuarat Negeri. Ahli Mesyuarat Negeri berpendapat mereka berhak mengetahui perjalanan negeri mereka. Pegawai Melayu Kedah juga berpendapat George Maxwell tidak wajar mengibarkan bendera British di kediamannya kerana undang-undang Inggeris tidak diiktirafkan di Kedah. George Maxwell pula berpendapat adalah tanggungjawabnya sebagai penasihat menyelia perjalanan pentadbiran jabatan dalam negeri. Beliau juga berpendapat jawatan yang disandang itu ditukar kepada Penasihat British dan seterusnya sebagai Timbalan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri. Kemudiannya George Maxwell menuduh Tunku Mahmud menipunya dan John Anderson. Keadaan ini menambahkan lagi pergeseran di antara Tunku Mahmud dengan George Maxwell.

Ketika pergeseran berlaku, Sir John Anderson memaklumkan kepada Tunku Mahmud akan mengesahkan kedudukan George Maxwell di Kedah serta akan menaikkan gaji tahunannya dari 1,000 ke 1200 pound. Tunku Mahmud menyatakan cadangan Sir John Anderson tidak dapat ditimbang. Selain dari itu memberi amaran kepada Sir John Anderson, jika George Maxwell bertindak melebihi tugas dan haknya Tunku Mahmud akan meminta digantikan dengan pegawai lain.

Dalam usaha menyelesaikan kekecohan hubungan Kedah dengan pegawai British, Sir John Anderson datang ke Kedah. Setelah menghadap sultan, beliau berbincangan dengan ahli Majlis Mesyuarat Negeri. John Anderson berpendirian kedudukan George Maxwell adalah sama dengan teman sejawatnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Oleh itu aduan mengenai tindakan George Maxwell adalah tidak lengkap dan beliau tidak bercadang meminda bidang tugas penasihat. Sebelum pulang, Sir John Anderson menulis memaklumkan yang beliau dengan bantuan Maxwell dan kerabat diraja akan mengambil alih teraju pemerintahan jika Majlis Mesyuarat Negeri tidak mahu meneruskan tugas pentadbiran negeri. Apabila Sir John Anderson berangkat pulang, pegawai Melayu Kedah bermesyuarat dua kali membincangkan masalah yang dihadapi. Mereka yang hadir bersetuju memulaukan

pentadbiran. Keputusan mesyuarat ini dipatuhi, misalnya pejabat daerah Jitra ditutup; Ketua Hakim, Syed Hasan datang sekejap sahaja di pejabat, dan majistret yang ada di pejabatnya tidak hadir di mahkamah. Kemudiannya pemulauan berakhir apabila Tunku Mahmud menyatakan dalam suratnya kepada George Maxwell yang sultan menitahkan beliau kembali bertugas dan menamatkan pemulauan.¹²⁵

Pada bulan Mei 1912, Tunku Mahmud, Tunku Ibrahim dan George Maxwell ke Singapura berjumpa Pesuruhjaya Tinggi, Sir Arthur Young. Dalam pertemuan itu Tunku Mahmud menyatakan pemangku raja wajar dilantik sekurang-kurangnya sementara. Jika cadangannya diterima, Tunku Mahmud mengesyorkan Tunku Ibrahim dilantik sebagai pemangku raja. Selain itu Tunku Mahmud menyatakan dia sanggup mendapatkan tandatangan persetujuan perlantikan tersebut daripada kerabat diraja, majlis mesyuarat negeri dan perakuan perubatan daripada doktor. Namun begitu sehingga bulan Ogos 1912 tidak ada sebarang tanda pemangku raja akan dilantik. Dalam surat Tunku Mahmud kepada Sir Arthur Young bertarikh 5 Oktober 1912, dia menyatakan kerabat diraja yang pada mulanya bersetuju kini tidak bersetuju pula.

Pada tahun 1913, kesihatan sultan bertambah buruk. Dalam pada itu sultan menggantikan Che Hasan, pelayan sulit baginda dengan Wan Mat Kulim. Apabila Wan Mat Kulim didapati bersalah menipu kerajaan pengurup wang di Kedah oleh majlis yang bersidang pada 25 Mac 1913, sultan mengampuni beliau. George Maxwell menuduh Tunku Mahmud sebagai perampas kuasa. Pertelingkahan kuasa di antara Sultan Abdul Hamid dengan majlis mesyuarat negeri ini telah menjadi sebab utama majlis mengesyorkan perlantikan segera Tunku Ibrahim sebagai pemangku raja. Hanya melalui perlantikan ini sahaja pentadbiran negeri boleh berjalan. Dengan itu pada 7 April 1913, Tunku Mahmud menulis surat kepada Sir Arthur Young menyatakan mengikut undang-undang Islam sultan akan hilang kedudukannya, jika didapati buta, bisu dan tidak dapat mentadbir untuk kebajikan negeri dan agama Islam.

Dalam usaha menguatkan cadangan perlantikan pemangku raja, Tunku Mahmud mengemukakan laporan kesihatan Sultan Abdul Hamid kepada Sir Arthur Young. Dalam laporan tersebut, Dr. Hoops menyatakan Sultan Abdul Hamid tidak dapat mengingati surat yang dibaca atau didengar sebaik sahaja selesai dibaca. Juga menyatakan Sultan Abdul Hamid tidak berkelayakan memerintah negeri kerana baginda tidak dapat menguruskan pentadbiran negeri, halehwal peribadi dan kewangan. George Maxwell pula menulis surat kepada Sir Arthur Young bertarikh 7 April 1913 memperakukan perlantikan pemangku raja bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi di Kedah. Sir Arthur Young yang menerima perakuan Tunku Mahmud dan George Maxwell memanjangkan perakuannya kepada pejabat tanah jajahan London pada 16 April 1913. Dalam suratnya itu Sir Arthur Young menyatakan untuk kepentingan negeri Kedah pemangku raja wajar dilantik. Perakuan Sir Arthur Young diterima oleh pejabat tanah jajahan London. Dengan itu pada 1 Julai 1913, Tunku Mahmud dan George Maxwell memaklumkan kepada Sultan Abdul Hamid, Raja England bersetuju dengan keputusan melantik Tunku Ibrahim sebagai pemangku raja. Pada 3 Julai 1913, Sir Arthur Young datang ke Alor Setar mengisyitharkan Tunku Ibrahim sebagai pemangku raja.

Perlantikan pemangku raja tidak menyelesaikan pergeseran pegawai Melayu Kedah dengan British. Perselisihan kali ini berkisar di sekitar persoalan kuasa pemangku raja. George Maxwell dan Sir Arthur Young berpendapat Tunku Ibrahim yang dilantik sebagai pemangku raja adalah juga Presiden Majlis Mesyuarat Negeri. Pandangan ini bertentangan dengan pendapat Tunku Ibrahim, Tunku Mahmud dan penyokongnya. Dalam hal ini Tunku Ibrahim menjelaskan kepada Pesuruhjaya Tinggi,

Sir Arthur Young dalam suratnya bertarikh 23 Julai 1913, bidang kuasa pemangku raja adalah umum. Beliau boleh menghadiri sebarang mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri yang dirasa sesuai atau apabila Majlis Mesyuarat Negeri berpendapat dia perlu hadir. Perkembangan ini menyebabkan Sir Arthur Young mengesyorkan yang Tunku Ibrahim sebagai Presiden dan Tunku Mahmud sebagai Timbalan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri.

Tunku Ibrahim tidak dapat menerima cadangan Sir Arthur Young dia sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri. Begitu juga Tunku Ibrahim menyatakan jika dia kekal sebagai ahli majlis biasa, akan menjatuhkan kedudukan kerana pandangan dan pendapat beliau boleh ditolak oleh ahli majlis. Dalam perkara ini Sir Arthur Young menyatakan kepada Tunku Ibrahim, Sultan Perak dan Johor adalah Presiden Majlis Mesyuarat Negeri. Dengan itu sebagai pemangku raja tidak akan menghilangkan kehormatan. Tunku Ibrahim yang tidak puas hati dengan keputusan Sir Arthur Young memanjangkan persoalannya itu kepada Sir Edward Gray, Setiausaha Negara Hal Ehwal Luar di London. Dalam suratnya itu, Tunku Ibrahim menyatakan yang Pesuruhjaya Tinggi Sir Arthur Young meminta dia menjadi Presiden Majlis Mesyuarat Negeri dan cadangan akan mengakibatkan berlaku perubahan dalam undang-undang tubuh Kedah. Surat Tunku Ibrahim ini tidak dijawab oleh Sir Edward Gray. Dia hanya mendapat maklumat daripada Pesuruhjaya Tinggi Sir Arthur Young, surat yang dihantar telah diterima oleh Sir Edward Gray. Selain itu Sir Arthur Young menyatakan ia diarahkan oleh Setiausaha Negara Tanah Jajahan memaklumkan kepada Tunku Ibrahim semua surat menyurat kepada kerajaan British hendaklah melalui Pesuruhjaya Tinggi. George Maxwell berpendapat Tunku Ibrahim tidak mahu terlibat dalam Majlis Mesyuarat Negeri kerana dia boleh menggunakan kuasa menolak keputusan Majlis. Selain itu untuk memastikan Kedah tidak akan diserapkan ke dalam Persekutuan. Walaupun begitu Sir Arthur Young tetap dengan keputusannya yang Tunku Ibrahim hendaklah menjadi Presiden Majlis Mesyuarat Negeri.

Tunku Ibrahim yang tidak puas hati dengan sikap kerajaan British menjalankan usaha supaya persoalan Kedah ini dibangkitkan di parlimen. Persoalan Kedah ditimbulkan oleh L.S. Amery, ahli parlimen Parti Konsevertif di parlimen pada 6 April 1914. L.S. Amery cuba mendapat penjelasan daripada Setiausaha Tanah Jajahan, sama ada Pesuruhjaya Tinggi memberi penjelasan tentang kesan utama ke atas undang-undang tubuh dan keutuhan Kedah. Selain itu L.S. Amery juga menyatakan sama ada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan menyedari yang perpindahan pertuanan Kedah melalui perjanjian 1909 telah dijamin dalam parlimen tidak menjejaskan keutuhan Kedah. Setiausaha Tanah Jajahan, Harcourt menjelaskan yang ia tidak banyak maklumat mengenai perkara itu; tetapi berpendapat perlantikan Tunku Ibrahim sebagai Presiden Majlis Mesyuarat mengakibatkan perubahan besar undang-undang tubuh Kedah dan memberi kesan ke atas keutuhan Kedah. Persoalan Kedah ini juga dibincangkan dalam Dewan Negara England. Pada 8 Jun 1914, Pesuruhjaya Tinggi menulis surat, memaklumkan kepada Tunku Ibrahim bantahan dia sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri ditolak oleh kerajaan British. Tunku Ibrahim bertindak balas. Pada 11 Ogos 1914, Tunku Ibrahim melalui penasihat undang-undang menulis surat bantahan kepada Sir Edward Gray. Beliau masih menolak jawatan sebagai presiden majlis. Namun begitu Sir Arthur Young dalam suratnya bertarikh 12 November 1914, kepada pemangku raja Tunku Ibrahim menyatakan keputusan kerajaan British tidak berubah. Setelah mempertimbangkan kemungkinan kerajaan British akan mengambil tindakan melucutkan jawatannya, Tunku Ibrahim menerima cadangan kerajaan British dengan bantahan. Tunku Ibrahim melalui peguam di Pulau

Pinang mengemukakan bantahan kepada kerajaan British London supaya dibincangkan di parlimen. Oleh kerana England terlibat dalam perang dunia, persoalan Kedah ini tidak diberi perhatian. Setiausaha negara tanah jajahan yang baru, Bonar Law tidak melayan bantahan Kedah.

Setelah beberapa tahun soal Kedah tidak kedengaran, pada Jun 1920, Pesuruhjaya Tinggi baru Sir Lawrence Guillemard menulis surat kepada pejabat tanah jajahan meminta panduan menguruskan pentadbiran Kedah, Perlis, Terengganu, Kelantan dan Johor. Guillemard menyatakan yang setakat ini tidak dinyatakan dengan jelas tugas Penasihat British. Beliau dapati dalam kalangan Penasihat British menggunakan pengaruh masing-masing menolak cadangan persekutuan. Pejabat Tanah Jajahan meminta pandangan Sir Arthur Young. Sir Arthur Young menyatakan sultan di negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor memiliki kuasa dan pengaruh yang kuat dalam pentadbiran berbanding dengan sultan di Perak, Selangor dan Pahang; serta Yang Dipertuan Besar di Negeri Sembilan. Selain itu menyatakan yang Kedah akan membantah persekutuan. George Maxwell juga berpandangan sama, menyatakan Kedah tidak memasuki persekutuan. Seterusnya menyatakan dasar yang paling sesuai ialah mewujudkan hubungan baik di antara negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor dengan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan serta Pahang dan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.¹²⁶

Kini dasar British dengan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor sudah jelas, iaitu mewujudkan hubungan baik. Namun begitu persoalan Kedah masih timbul kerana hubungan Kedah dengan British tidak jelas dan ia hanya bergantung kepada Perjanjian Bangkok 1909. Negeri lain, Kelantan, Terengganu dan Johor telah pun menandatangani perjanjian dengan kerajaan British menerima Penasihat British. Kelantan pada tahun 1910; Johor, 1914 dan Terengganu, 1919. Pada tahun 1921 Kedah menghadapi masalah membayar hutang dengan kerajaan Siam dahulu. Kini hutangnya berjumlah \$2,720,953. Kedah menjalankan usaha untuk membayar hutang tersebut beransur-ansur. Sementara itu Kedah merujuk kepada kerajaan British untuk mewujudkan perjanjian bagi menentukan hubungannya dengan kerajaan British. Dengan itu Sir Lawrence Guillemard mengambil kesempatan ini mengarahkan Penasihat British Kedah, W. Peel memulakan rundingan dengan pemangku raja dan majlis mesyuarat negeri. Hasil daripada rundingan yang dijalankan akhirnya draf perjanjian dibentuk berdasarkan perjanjian Kelantan, Terengganu dan Johor dengan kerajaan British. Namun begitu sebelum perjanjian ditandatangani, Tunku Ibrahim menulis surat akuan kepada Sir Lawrence Guillemard mengemukakan beberapa syarat. Calon Penasihat British Kedah yang akan dilantik hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada pemangku raja; pegawai Eropah hanya dilantik atau dipinjamkan di Kedah hendaklah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Negeri, dan apabila dilantik ia adalah pegawai Kedah; pemangku raja mempunyai hak menukarkan pegawai Eropah yang disifatkan tidak memuaskan, dan akhirnya pentadbiran Kedah hendaklah dikendalikan oleh pegawai Melayu, terutamanya rakyat Kedah. Selain itu Majlis Mesyuarat Negeri boleh memilih tiap-tiap tahun orang Melayu untuk dihantar ke Eropah atau Arab untuk kepentingan jawatan kerajaan. Tunku Ibrahim juga menuntut pegawai Melayu dan Eropah diberi layanan yang sama. Seterusnya Setiausaha Kerajaan Kedah dan Ketua Hakim Melayu dikekalkan sebagai ahli majlis mesyuarat negeri. Tuntutan Tunku Ibrahim ini disetujui semuanya oleh Sir Lawrence Guillemard. Kemudiannya pada 1 November 1923, perjanjian ditandatangani di antara Kedah dengan Great Britain.¹²⁷

Pergeseran mengenai bidang tugas Penasihat British ini berlarutan berakhir.

Berkuat kuasa perjanjian ini Penasihat British menasihat dalam semua perkara kecuali adat dan agama Islam.¹²⁸

Kesimpulan

Sepanjang tahun 1786 hingga 1923 penduduk Kedah menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris, menentang pendudukan Siam, dan menentang kuasa pegawai British dalam pentadbiran Kedah.

Nota

¹ J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", *JMBRAS*, Vol. LVI, Pt. 2, 1983, hlm.35.

² C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, Singapore: Oxford University Press, 1972, hlm. 257.

³ John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Singapore: MBRAS, 1965, hlm. 2. R. Bonney, *Kedah 1717-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 166. Nicholas Tarling, *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 29. G.A. Hodgson, "An Introduction to Kedah History", *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid I, Bilangan I, Jun 1966, hlm. 14. John Crawford, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands & Adjacent Countries*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 362-363.

⁴ John Anderson, *Political and Commercial Considerations..*, hlm. 2. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca Vol. II*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 7-8.

⁵ P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 108-110. Ura a/p Pin@Chum, *Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II*, Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989/90, hlm. 41. R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, Vol. 14, Pt. 3, 1936, hlm. 181.

⁶ Wan Yahya bin Wan Mahammad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, Alur Setar: The British Malaya Press Ltd., Penang, 1346), hlm. 9. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 111. Haji Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 62-63.

⁷ SSR. H.6:PLOLS, Willim Armstrong Clubley, Setiausaha kepada kerajaan kepada R. Caunter, Pesuruhjaya Polis, Pinang, 21 November 1821.

⁸ T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca Vol. II*, hlm. 4.

⁹ Sharom Ahmat, "Kedah-Siam Relations, 1821-1905", *The Journal of the Siamese Society*, Vol. 59, Pt. I, January 1971, hlm. 98-99. Ura a/p Pin@Chum, *Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah III*,

hlm. 43.

¹⁰ W.F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, New York: J.J. Augustin Incorporated Publisher Locust Valley, 1957, hlm. 67.

¹¹ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu*, Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989/90, hlm. 80.

¹² Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 63.

¹³ C.O. 273/1, Leftenan Henry Burney kepada James C. Melvill, Julai 1846.

¹⁴ Perjanjian di antara Great Britain dan Siam ditandatangani pada 20 Jun 1826. Perjanjian ini dikenali juga sebagai Perjanjian Burney. Mengenai perjanjian ini boleh rujuk kepada W.G. Maxwell & W.S. Gibson (eds.), *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, Suffolk Lane: Jas. Truscott & Son, Ltd., 1924, hlm. 77-82, tetapi artikel XIII tidak lengkap dikemukakan. Artikel XIII berbunyi: "The Siamese engage to the English, that the Siamese shall remain in Quedah, and take proper care of that country and of its people; the inhabitants of Prince of Wales Island and of Quedah shall have trade and intercourse as heretofore; the Siamese shall levy no duty upon stock and provisions, such as cattle, buffaloes, poultry, fish, paddy, and rice, which the inhabitants of Prince of Wales Island, or ships there, may have occasion to purchase in Quedah, and the Siamese shall not farm the mouths of rivers, or any streams in Quedah, but shall levy fair and proper import and export duties. The Siamese further engage, that when Chow Phya, of Ligor, returns from Bangkok, he shall release the slaves, personal servants, family and kindred, belonging to the former Governor of Quedah, and permit them to go and live wherever they please. The English engage to the Siamese that the English do not desire to take possession of Quedah, that they will not attack, or disturb it, nor permit the former Governor of Quedah, or any of his followers to attack, disturb, or injure in any manner, the territory of Quedah, or any other territory subject of Siam. The English engage that they will make arrangements for the former Governor of Quedah, to go and live in some other country, and not at Prince of Wales Island, or Prye, or in Perak, Selangore, or any Burmese country. If the English do not let the former Governor of Quedah go and live in some other country as here engaged, the Siamese may continue to levy an export duty upon paddy and rice in Quedah. The English will not prevent any Siamese, Chinese, or other Asiatics at Prince of Wales Island, from going to reside in Quedah if they desire it". (T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. I, hlm. 467-468.

¹⁵ SSR. V.4: GMLO, R. Fullerton kepada Henry Nairne, 16 Ogos 1830.

¹⁶ SSR. V.4: GMLO, Memorandum R. Fullerton kepada Henry Nairne, 17 Ogos 1830.

¹⁷ SSR. V.4: GMLO, R. Fullerton kepada Sultan Kedah, 25 Ogos 1830.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ SSR. V.4: GMLO, R. Fullerton kepada Sultan Kedah, 14 Ogos 1830.

²⁰ Ibu Tunku Kudin ialah saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. Bapanya keturunan Arab, berasal dari Palembang, Sumatera.

²¹ Tengku Long Puteh ialah orang kuat Tunku Kudin. Beliau anak Tunku Raden, Palembang, Sumatera. Berkahwin dengan Tunku Jam Jam, saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. C.O. 273/1, Straits Settlements, 1838-1858, Miscellaneous: War of Keddah and Tunku Din's Proceedings (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/1, "WKTD").

²² Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*, Kedah: Universiti Utara Malaysia, 1987, hlm. 75.

²³ C.O. 273/1, "WKTD".

²⁴ Dalam surat ini dicatitkan Gabenor Pulau Pinang memperakukan Sultan Ahmad Tajuddin membuat gerakan menyerang Siam di Kedah melalui Teluk Air Tawar. Sultan Ahmad Tajuddin menjalankan usaha mengumpulkan orang Melayu di Seberang Perai, Penaga dan Kuala Muda; dan kira-kira 5,000 orang akan bergabung dalam gerakan tersebut. Gabenor meminta merahsiakan gerakan ini daripada Siam; Syarikat Hindia Timur Inggeris akan memberi bantuan. Sultan Ahmad Tajuddin telah pun menerima 100 senapang patah/asak (*Musket*) dengan bahan letupan dan peluru. Tunku Zainal Abidin, putera Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Long Puteh, saudara iparnya akan menunggu di Langkawi. (R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", hlm. 183. Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu*, Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987/1988, hlm. 54-54).

²⁵ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 54.

²⁶ C.O. 273/1, "WKTD".

²⁷ C.O. 273/1, "WKTD". C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, hlm. 259-260.

²⁸ C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, hlm. 259.

²⁹ Kota Kedah atau Kota Kuala berbentuk empat segi bujur, lapan puluh dharab lima puluh ela; dindingnya dibina daripada batu, tingginya 10 kaki. C.O. 273/1, "WKTD".

³⁰ P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 128. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 149. Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm.67. SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson, Residen Singapura kepada Chao Phra Prah-Klang Chao Kun Kasa, 3 Mei 1831, mencatatkan Tunku Kudin berjaya menduduki Kedah pada 18 April 1831. Cyril Skinner, *The Civil War in Kelantan in 1839*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society, 1965, hlm. 6.

- ³¹ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson, Residen Singapura kepada Chao Phra Prah-Klang Chao Kun Kasa, 3 Mei 1831; surat kepada Raja Ligor, 14 Jun 1831.
- ³² Robert Ibbetson menggantikan Robert Fullerton sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selatan pada tahun 1831.
- ³³ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson, Residen Singapura kepada Chao Phra Prah-Klang Chao Kun Kasa, 3 Mei 1831.
- ³⁴ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Raja Ligor, 11 Oktober 1831.
- ³⁵ C.O. 273/1, "WKTD".
- ³⁶ C.O. 273/1, "WKTD".
- ³⁷ Orang-orang Cina ini dijahit hidup-hidup di dalam kulit kerbau yang baru disembelih, dibiarkan terdedah di sinaran matahari sehinggalah mereka mati.(C.O. 273/1, "WKTD". Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 55).
- ³⁸ C.O. 273/1, "WKTD". Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 56.
- ³⁹ C.O. 273/1, "WKTD".
- ⁴⁰ W.F. Vella mencatatkan yang Tunku Kudin membunuh diri pada 22 April 1832, setelah gagal melepaskan diri daripada serangan pasukan Siam.(Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 68). Ada juga menyatakan yang Tunku Kudin membunuh diri kerana tidak mahu dijadikan tawanan perang Siam.(Ura a/p Pin@Chum, *Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II*, hlm. 54).
- ⁴¹ C.O. 273/1, "WKTD".
- ⁴² P.J. Begbie, *Malayan Peninsula*, hlm. 128-129. R.O. Winstedt, hlm. . C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67*, hlm. 259. Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 56.
- ⁴³ SSR. V.5: GMLO, surat kepada Raja Ligor, 14 Jun 1831.
- ⁴⁴ T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 15.
- ⁴⁵ C.O. 273/1, "WKTD".
- ⁴⁶ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada H. Hamley, 15 Jun 1831; R. Ibbetson kepada H. Hamley, 19 Jun 1831.
- ⁴⁷ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Laksamana Sir E. Owen, 12 Julai 1831.
- ⁴⁸ SSR. V.5: GMLO, R.Ibbetson kepada Sir E. Owen, 17 November 1831.

- ⁴⁹ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Leftenan Kolonel Gibson, 23 November 1831.
- ⁵⁰ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Laksamana Sir E. Owen, 12 Julai 1831. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 130.
- ⁵¹ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Sultan Kedah, 1 Spetember 1831.
- ⁵² Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 57. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 130, menyatakan akhbar *Singapore Chronicle* melaporkan kedua-dua pihak yang terkorban di antara 6,000 hingga 10,000 orang; majoritinya di pihak Siam.
- ⁵³ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Laksamana Sir E. Owen, 12 Julai 1831.
- ⁵⁴ SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada H. Hamley, 10 Oktober 1831.
- ⁵⁵ T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 17.
- ⁵⁶ C.O. 273/1, Straits Settlements, 1838-1858, Miscellaneous, An Account of the War between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the war of Tuanku Mahomed Saad. (Seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/1, "WMM"). Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 61.
- ⁵⁷ J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", *JMBRAS*, Vol. LVI, Pt. 2, 1983, hlm. 44.
- ⁵⁸ SSR. U5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 25 Februari 1837. C.O. 273/1, "WMM".
- ⁵⁹ C.O. 273/1, "WMM".
- ⁶⁰ SSR. U.5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 25 Februari 1837.
- ⁶¹ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 62.
- ⁶² SSR. U5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 20 Februari 1837.
- ⁶³ SSR. U5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 25 Februari 1837.
- ⁶⁴ SSR. U5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, September 1837. Tidak dapat memastikan haribulan surat ini dihantar.
- ⁶⁵ T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 18.
- ⁶⁶ C.O. 273/1, "WMM". C.O. 273/1, "WMM", laporan Kapten McCrea, 25 April 1837. Mengenai peranan Kapten McCrea di Beruas, sila lihat J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", hlm. 44-45.

⁶⁷ T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 18-19. Beliau mencatatkan elaun tersebut diturunkan dari 10,000 ringgit sepanyol kepada 500.

⁶⁸ C.O. 273/1, "WMM".

⁶⁹ Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 71.

⁷⁰ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 63.

⁷¹ Huraian lanjut mengenai Tuk Mo Ris sila lihat, Yaacob Ahmad, "Pahlawan Tok Mo Ris", Khoo Kay Kim (Penyunting), *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 1-10.

⁷² Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 64.

⁷³ C.O. 273/1, "WMM".

⁷⁴ C.O. 273/1, "WMM", Kapten James Low kepada Gabenor Siam di Kedah, 31 Mei 1838.

⁷⁵ C.O. 273/1, "WMM".

⁷⁶ C.O. 273/1, "WMM", James Low kepada J.W. Salmond, Residen Konsular, 3 Jun 1838.

⁷⁷ C.O. 273/1, "WMM", James Low kepada J.W. Salmond, Residen Konsular, 14 Jun 1838. C.O. 273/1, "WMM".

⁷⁸ SSR. W4: GMLI, Ko Long Tee kepada S.G. Bonham, 15 Mac 1839; kenyataan Ko Long Tee, Rabu 20 Mac 1839. Beliau meninggalkan Kedah setelah Tunku Muhammad Saad melancarkan serangan ke atas Siam di Kedah.

⁷⁹ C.O. 273/1, "WMM".

⁸⁰ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 149.

⁸¹ C.O. 273/1, "WMM".

⁸² Ibid.

⁸³ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 68.

⁸⁴ SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh.

⁸⁵ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 68.

⁸⁶ Ibid., hlm. 69.

⁸⁷ C.O. 273/1, "WMM". R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", hlm. 185.

Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 67. Mencatitkan pasukan Siam terdiri daripada 3,000 orang dan dibantu oleh 500 orang Cina.

⁸⁸ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 150. Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 70.

⁸⁹ SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh. Beliau berusia kira-kira 50 tahun. Terlibat dalam gerakan menentang Siam di Kedah.

⁹⁰ SSR. W4: GMLI, Residen Konsular Pulau Pinang kepada S.G. Bonham, 26 Mac 1839.

⁹¹ SSR. W4: GMLI, kenyataan Haji Ibrahim, 22 Mac 1839, beliau turut sama bertahan dalam kubu di Alur Ganu; kenyataan Nakhoda Poolih, 22 Mac 1839, beliau berada dalam kubu di Alur Ganu ketika tentera Siam melancarkan serangan; kenyataan Che Ahjap, 22 Mac 1839, beliau juga melihat sendiri kedatangan tentera Siam di Alur Ganu.

⁹² SSR. W4: GMLI, kenyataan Haji Muhammad Taib, Pejabat Polis, Sabtu, 9 Mac 1839. Beliau berusia 35 tahun.

⁹³ SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh.

⁹⁴ SSR. W4: GMLI, Pemerintah *Hyacinth* kepada S.G. Bonham, 16 April 1839. Mengenai penglibatan kapal *Hyacinth* ini sila lihat, Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah in 1838 in Malayan Waters*, Singapore: Oxford University Press, 1987.

⁹⁵ R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", hlm. 185.

⁹⁶ SSR. W4: GMLI, kenyataan Haji Muhammad Taib, Pejabat Polis, Sabtu, 9 Mac 1839.

⁹⁷ SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh. C.O. 273/1, "WMM".

⁹⁸ Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm.72. Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 71.

⁹⁹ SSR. W4: GMLI, Pemerintah kapal *Hycinth* kepada S.G. Bonham, 11 April 1839.

¹⁰⁰ SSR. W4: GMLI, Pemerintah *Hycinth* kepada S.G. Bonham, 11 April 1839.

¹⁰¹ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 72.

¹⁰² *Ibid.*, hlm. 71-72.

¹⁰³ SSR. W4: GMLI, S.G. Bonham kepada Pasukan British di Kedah, 20 Mac 1839.

¹⁰⁴ SSR. W4: GMLI, Residen Konsular Pulau Pinang kepada S.G. Bonham, 7 April 1839.

- ¹⁰⁵ Rashade Haji Abdullah, *Kedah 1821-1842:...*, hlm. 73.
- ¹⁰⁶ Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 85-86; "The 1839-41 Settlements of Kedah: the Siamese Compromise", *JMBRAS*, Vol. LIX, Pt. I, 1986, hlm. 36-46.
- ¹⁰⁷ Sharom Ahmat, "Kedah-Siam Relations, 1821-1905", hlm. 99. J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", hlm. 51.
- ¹⁰⁸ Kobkua Suwannatha-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, hlm. 87.
- ¹⁰⁹ Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations: Traditional Intra-regional Relations from Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1988, hlm. 90; *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, hlm. 87.
- ¹¹⁰ SSR. U.8: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 26 Mei 1842.
- ¹¹¹ SSR. U8: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 24 Ogos 1842.
- ¹¹² Kobkua Suwannatha-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, hlm. 87.
- ¹¹³ Mohammad Isa Othman. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 72.
- ¹¹⁴ Sharom Ahmat. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1984, hlm. 107.
- ¹¹⁵ *Ibid.*, hlm. 108.
- ¹¹⁶ Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 73.
- ¹¹⁷ Sharom Ahmat. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*, hlm. 109.
- ¹¹⁸ Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 73.
- ¹¹⁹ Sharom Ahmat. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*, hlm. 108.
- ¹²⁰ *Ibid.*, hlm. 143-146.
- ¹²¹ George Maxwell, anak Sir William Maxwell dilahirkan pada 9 Jun 1871. Sebelum memegang jawatan Peguam Besar Negeri-Negeri Selat pada tahun 1908, George Maxwell memegang beberapa jawatan di Perak, seperti Majistret dan Pegawai Daerah. Beliau menjadi Penasihat British Kedah pada tahun 1909-1914; Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi, 1914-1917; Penasihat Johor, 1917; Residen Perak, 1918;

Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat, 1919-1920 dan Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1920-1926. Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 89.

¹²² Ibid., hlm. 90.

¹²³ Sharom Ahmat. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*, hlm. 150-152.

¹²⁴ Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 90-91.

¹²⁵ Sharom Ahmat. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*, hlm. 154-158.

¹²⁶ Ibid., hlm. 160-169.

¹²⁷ Ibid., hlm. 171-172.

¹²⁸ Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hlm. 97.